



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BILANGAN 01/2026
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah rahmat dan izinNya jua, serta berkat daulat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita telah melangkah ke Tahun Baharu Masihi 2026 dalam suasana aman dan penuh keberkatan.

Peralihan ke tahun baharu ini membuka ruang untuk kita menilai kedudukan semasa negara serta menetapkan hala tuju seterusnya. Tahun yang lalu memperlihatkan suasana global yang tidak menentu, termasuk tekanan ekonomi dan cabaran perubahan iklim yang semakin ketara. Namun demikian, rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam terus menunjukkan kematangan dan keyakinan dalam mendepani keadaan tersebut. Keupayaan ini menjadi asas penting dalam mengekalkan kestabilan dan memastikan kesinambungan pembangunan negara.

Bersempena Tahun Baharu Masihi 2026 ini, marilah kita bersama-sama menunaikan amanah dan tanggungjawab dengan penuh keikhlasan serta dedikasi, di samping menghayati sepenuhnya titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sesungguhnya titah Baginda sempena Tahun Baharu ini menjadi panduan dan pedoman yang amat bermakna untuk kita menjunjung serta melaksanakannya dengan komitmen yang padu dan usaha yang bersungguh-sungguh, selaku jentera utama Kerajaan dalam merealisasikan aspirasi dan matlamat Wawasan Brunei 2035 yang kian menghampiri sasarannya. Antara intipati titah Baginda adalah seperti berikut:

- i. Baginda menyentuh mengenai keperluan untuk sama-sama merenung pencapaian serta hala tuju yang telah dilalui ketika berada di ambang Tahun Baharu Masihi 2026. Sepanjang tahun lalu, negara masih diuji dengan cabaran ekonomi serta kesan pergolakan global termasuk krisis perubahan iklim yang semakin menghimpit. Namun demikian, rakyat dan penduduk negara ini kekal tenang dan waspada. Keadaan ini mencerminkan sebuah bangsa yang gigih dan sentiasa berani mengharungi cabaran;
- ii. Dalam masa yang sama, Baginda berbangga melihat kebangkitan golongan muda seperti *Brunei Youth Council* dan *Brunei Young Entrepreneurs* yang tampil membawa perubahan. Para petani dan penternak juga turut meningkatkan hasil pengeluaran masing-masing. Perkembangan ini merupakan petanda baik, selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mencapai tahap sara diri dalam hal ehwal permakanan;



- 2 -

- iii. Selanjutnya, Baginda menegaskan bahawa dalam melangkah ke tahun baharu, Kerajaan akan kekal komited untuk meletakkan keutamaan kepada kemajuan ekonomi dan kesejahteraan rakyat melalui peningkatan dan pembaharuan dasar. Walaupun ekonomi negara mengalami penurunan sebanyak 1.1 peratus pada enam bulan pertama tahun 2025 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2024, asas makroekonomi negara masih berdaya tahan dengan lebihimbangan perdagangan berjumlah BND4.0 bilion sehingga bulan September, di samping penurunan kadar inflasi sebanyak 0.3 peratus setakat bulan Oktober 2025. Sehubungan itu, usaha perlu terus dipergiat merentasi sektor utama dengan lebih berdaya saing;
- iv. Baginda turut menyentuh mengenai penerokaan peluang pelaburan selaras dengan *Economic Blueprint* melalui sektor-sektor utama, dengan matlamat menjana peluang pekerjaan berkualiti tinggi serta memastikan negara kekal relevan dan berdaya saing di peringkat serantau dan global. Kerajaan juga akan terus komited menyediakan persekitaran perniagaan yang kondusif, mengukuhkan jaringan dengan rakan strategik antarabangsa, memperkasa jenama Halal serta meningkatkan eksport produk industri tempatan;
- v. Dalam usaha memperkasa transformasi digital negara, Baginda telah memperkenalkan pelaksanaan projek identiti digital kebangsaan, Brunei-ID, di bawah naungan Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 bermula 3 Januari 2026, bagi memudahkan proses pengesahan identiti untuk mengakses pelbagai perkhidmatan dalam talian Kerajaan serta memperkukuhkan tadbir urus digital;
- vi. Baginda seterusnya memperkenalkan pengkorporatan Jabatan Perkhidmatan Pos kepada Syarikat PosBru Sendirian Berhad bermula 1 Januari 2026 sebagai langkah meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada orang awam serta sebagai pemangkin kepada usaha transformasi dalam sektor-sektor lain yang memerlukan penyampaian perkhidmatan yang lebih responsif dan berorientasikan pelanggan (*customer-centric*); dan
- vii. Akhirnya, Baginda merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga perkhidmatan awam, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, pasukan-pasukan beruniform yang lain, termasuk mereka yang berkhidmat di sektor swasta dan badan-badan bukan Kerajaan (NGOs), serta golongan belia atas komitmen dan usaha gigih dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing sepanjang tahun 2025.

.../3



- 3 -

Dalam menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri berharap agar seluruh jentera pentadbiran awam terus memperkukuh kerjasama dan penyelarasan secara menyeluruh melalui pendekatan *Whole of Government* dan *Whole of Nation* dalam setiap perancangan serta pelaksanaan inisiatif negara. Pendekatan ini hendaklah dilaksanakan secara lebih tangkas, bersepadu dan berfokus kepada hasil, selaras dengan keutamaan semasa serta cabaran yang dihadapi. Justeru, ia juga menekankan perkhidmatan yang lebih responsif dan berpusatkan pengguna (*customer centric*) melalui penyelarasan antara agensi, pengukuhan keupayaan sumber manusia serta kerjasama dengan pihak berkepentingan. Sebagai warga perkhidmatan awam, marilah kita memperbaharui komitmen untuk melaksanakan amanah dengan lebih proaktif, berintegriti dan berorientasikan rakyat, agar setiap dasar dan tindakan yang diambil benar-benar memberi nilai tambah kepada kesejahteraan negara. Semoga segala usaha yang dilaksanakan akan sentiasa dipermudah serta dikurniakan keberkatan oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

"Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi, Berkualiti Ke Arah Ekonomi yang Dinamik dan Berdaya Tahan"

[AJMAN BIN HAJI MELUDIN]

Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam)

Jabatan Perdana Menteri
Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : (1) JPM/SK/2026
Tarikh : 19 Ramadhan 1447
09 Mac 2026